

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Kaedah Penyelidikan

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan. Satu Inventori Keperluan Bimbingan pelajar telah digunakan untuk mengenalpasti bidang-bidang bimbingan yang diperlukan oleh pelajar. Selain daripada itu analisis juga dijalankan untuk melihat perbezaan keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di antara sekolah-sekolah, jantina dan pelajar-pelajar aliran sains dan sastera terhadap sembilan bidang keperluan bimbingan.

3.2 Pengumpulan Data

Sebelum menjalankan kajian, surat permohonan kebenaran menjalankan kajian telah dihantar kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah mendapat surat kebenaran tersebut, ianya diajukan pula ke Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan bagi mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli Kelantan.

Setelah mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, satu temujanji telah dibuat dengan Pengetua sekolah berkenaan. Selepas mendapat maklum balas daripada Pengetua sekolah berkenaan, satu perjumpaan telah dilakukan dengan Pengetua berkenaan untuk menjelaskan mengenai kajian keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang akan dijalankan di sekolah berkenaan.

Menerusi perjumpaan tersebut, tujuan kajian dan bagaimana kajian ini dijalankan diperjelaskan kepada pihak Pengetua. Pihak sekolah diminta menyediakan satu bilik khas bagi memudahkan pelajar-pelajar menjawab item-item yang dikemukakan di dalam soal selidik. Selain daripada itu, pihak sekolah juga diminta memilih sendiri pelajar tingkatan 4 iaitu sebuah kelas daripada aliran sains dan sebuah kelas daripada aliran sastera untuk menjayakan kajian ini.

Bagi memastikan responden dapat menjawab dengan tepat mengenai item-item yang dikemukakan dalam soal selidik mereka akan dikumpulkan terlebih dahulu di dalam bilik khas yang disediakan oleh pihak sekolah. Di situ responden diberikan taklimat dengan jelas mengenai kajian tersebut. Di samping itu responden juga diberitahu bahawa tidak ada jawapan yang betul dan salah dalam menjawab item-item yang dikemukakan di dalam soal selidik.

Pelajar juga diberikan penjelasan bahawa kajian tersebut dapat digunakan untuk memantapkan lagi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah

berkenaan. Oleh itu para pelajar diminta menjawab sejurus mungkin. Responden juga diingatkan bahawa jawapan yang mereka kemukakan adalah rahsia. Justeru itu mereka tidak perlu bimbang memberikan jawapan yang sebenar walaupun jawapan tersebut menunjukkan kelemahan mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah berkenaan. Bagi menjamin kerahsiaan jawapan responden terpelihara, mereka diminta untuk tidak menulis nama di borang soal selidik. Responden hanya perlu mengisikan maklumat peribadi yang dikemukakan di dalam borang soal selidik.

Responden diperuntukkan masa 80 minit untuk menjawab item-item yang dikemukakan di dalam soal selidik. Ia bertujuan agar responden tidak terburu-buru menjawab soalan dan mempunyai masa yang cukup untuk menjawab kesemua soalan-soalan yang dikemukakan. Bagi menjamin ketulenan jawapan, responden tidak dibenarkan bercakap-cakap semasa menjawab item-item di dalam borang soal selidik. Responden hanya dibenarkan merujuk kepada pengendali ujian sekiranya terdapat item-item di dalam soal selidik yang memerlukan penjelasan.

Sebanyak 140 naskah inventori telah diedarkan dan sebanyak 140 naskah telah diterima balik. Dari jumlah itu 11 naskah didapati rosak, sama ada kerana butir-butir yang dikehendaki tidak lengkap atau terdapat muka surat yang hilang. Naskah yang rosak telah tidak dapat digunakan untuk dianalisis. Analisis telah dibuat ke atas 129 naskah inventori. Data telah dianalisis menggunakan komputer.

Markat min telah digunakan untuk menentukan tahap tinggi rendahnya bidang-bidang keperluan pelajar. Manakala untuk menentukan perbezaan antara sekolah, jantina dan aliran ujian t digunakan.

3.3 Sampel Kajian.

Sampel kajian terdiri daripada 129 pelajar tingkatan 4 di dua buah sekolah menengah yang dipilih. Sejumlah 65 orang pelajar dipilih daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1) dan 64 orang dipilih daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli. Daripada keseluruhan 129 pelajar tersebut, 69 orang responden adalah pelajar perempuan di mana 36 responden dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1) dan 33 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli. 60 orang pelajar lelaki di mana 29 orang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1) dan 31 orang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli.

3.4 Instrumen Kajian

Di dalam kajian ini, Inventori Keperluan Bimbingan digunakan bagi mengkaji keperluan bimbingan dan kaunseling pelajar-pelajar sekolah menengah negeri Kelantan. Inventori Keperluan Bimbingan ini telah dibina oleh Suradi Salim (1994), untuk membuat kajian keperluan bimbingan pelajar-pelajar sekolah menengah negeri Selangor Darul Ehsan. Kebenaran telahpun diperolehi daripada

menengah negeri Selangor Darul Ehsan. Kebenaran telahpun diperolehi daripada beliau untuk menggunakan inventori yang sama bagi membuat kajian keperluan bimbingan pelajar-pelajar sekolah menengah di Kelantan.

Tujuan utama inventori ini digunakan ialah untuk mengetahui dalam bidang apakah pelajar-pelajar memerlukan bimbingan. Inventori ini mengandungi satu senarai keperluan di mana para pelajar sering dirasakan memerlukan bantuan. Senarai ini mengandungi 225 perkara atau item yang dibahagikan kepada sembilan bidang. Dalam tiap-tiap bidang terdapat 25 item. Sembilan bidang tersebut ialah ;

1. Perkembangan Kemahiran Belajar

Di antara item-item yang terdapat dalam bidang ini berkaitan dengan keperluan untuk meningkatkan kebolehan mengingat, membentuk jadual waktu berkesan, mempunyai kebolehan untuk mengatur masa dan sebagainya lagi.

2. Perkembangan Pelajaran dan Vokasional

Di antara item-item yang terdapat dalam bidang ini berkaitan dengan keperluan untuk memahami kebolehan, minat dan potensi individu, mengenalpasti bidang-bidang pengajian yang sesuai, mendapatkan maklumat mengenai peluang-peluang latihan kerja dan sebagainya lagi.

Di antara item-item yang terdapat dalam bidang ini berkaitan dengan keperluan untuk membuang tabiat suka menguasai orang lain, meningkatkan kepercayaan kepada kebolehan sendiri, mempunyai kebolehan menerima dan memberikan kasih sayang kepada orang lain dan sebagainya lagi.

4. Perkembangan Kerjaya

Di antara item-item yang terdapat dalam bidang ini adalah berkaitan dengan keperluan untuk mengetahui bagaimana temuduga pekerjaan dilakukan, memikirkan kerjaya berdasarkan bakat, memahami kebaikan dan keburukan pelbagai pekerjaan dan sebagainya lagi.

5. Perkembangan Pemahaman Diri

Di antara item-item yang terdapat dalam bidang ini berkaitan dengan keperluan untuk belajar bertengang apabila menghadapi kesukaran, mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri, mengetahui bagaimana matlamat mempengaruhi kehidupan dan sebagainya.

6. Perkembangan Kesihatan dan Fizikal

Di antara item-item yang terdapat dalam bidang ini berkaitan dengan keperluan untuk mengetahui jenis-jenis makanan yang baik, mengatasi kekurangan fizikal yang mengganggu fikiran, belajar cara-cara menyesuaikan pakaian dan sebagainya lagi.

7. Perkembangan Kewangan dan Tempat Tinggal

Di antara item-item yang terdapat dalam bidang ini berkaitan dengan keperluan untuk mendapatkan maklumat mengenai cara-cara untuk mendapatkan biasiswa dan pinjaman pembelajaran, belajar merancang perbelanjaan, belajar berjimat cermat dan sebagainya lagi.

8. Perkembangan Peribadi

Di antara item-item yang terdapat dalam bidang ini berkaitan dengan keperluan untuk bersifat lebih matang dan bertanggungjawab, mengatasi masalah tertekan, memberhentikan perasaan bimbang dan sebagainya lagi.

9. Perkembangan Kerohanian dan Moral

Di antara item-item yang terdapat dalam bidang ini berkaitan dengan keperluan untuk menambah pengetahuan mengenai hukum-hukum agama, membentuk nilai dan moral yang sesuai, memahami lebih mendalam mengenai Al-Quran dan sebagainya lagi.

3.5 Penganalisisan Data.

Data-data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan program Statistical Package for the Social Sciences (SPSS PC+). Secara umumnya terdapat empat perkara utama yang dianalisis iaitu bidang-bidang keperluan pelajar,

perbezaan keperluan antara sekolah-sekolah, jantina dan pelajar-pelajar aliran sains dan sastera.

Bagi menganalisis data item-item keperluan pelajar, satu skala telah dibuat untuk memudahkan pengiraan markat min dilakukan. Skala tersebut ialah ; 3 markah untuk jawapan ‘Sangat Perlu’, 2 markah untuk jawapan ‘Perlu’, 1 markah untuk jawapan ‘Kadang-kadang Perlu’ dan 0 markah untuk jawapan ‘Tidak Perlu’.

Bagi mengenalpasti keperluan mereka, keperluan pelajar dikategorikan sebagai sangat tinggi, tinggi atau rendah. Untuk itu sekiranya skor min bagi satu-satu item adalah di bawah 1.5 tahap keperluan pelajar dianggap rendah, manakala skor min di antara 1.5 hingga 2.49 dianggap tinggi dan sekiranya skor min lebih atau sama dengan 2.5 tahap keperluan pelajar dianggap sangat tinggi.

Untuk keperluan bidang, sekiranya skor min bidang adalah di bawah 37.5 tahap keperluan pelajar dalam bidang itu dianggap rendah, manakala skor di antara 37.5 sehingga 62.4 tahap keperluan untuk bidang itu dianggap tinggi dan sekiranya skor min 62.5 ke atas tahap keperluan pelajar dalam bidang itu dianggap sangat tinggi.

Perbezaan antara sekolah, jantina dan pelajar aliran sains dan sastera, ujian-t digunakan. Aras alpha yang digunakan ialah 0.05.